



Department of Civil Aviation
Ministry of Transport and Infocommunications

SIARAN AKHBAR

MAKLUMAN BAGI PENUMPANG-PENUMPANG PENERBANGAN DESTINASI LONDON

Khamis, 1 Safar 1443 / 9 September 2021 - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan kepada orang ramai yang akan membuat **penerbangan ke London, United Kingdom** pada **11 September dan 25 September 2021** agar sentiasa mematuhi prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Dalam sama-sama melaksanakan tanggungjawab membudayakan langkah-langkah pencegahan termasuk mengamalkan penjarakan fizikal dan mematuhi larangan perkumpulan ramai seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil inisiatif dengan **menyediakan perkhidmatan 'advance check-in' sehari sebelum penerbangan.**

Kaunter perkhidmatan 'advance check-in' akan dibuka seperti berikut:

Flight	Destinasi	Tarikh Penerbangan	Advance Check-in	Waktu
BI003	London (LHR)	Sabtu, 11 September 2021	Jumaat, 10 September 2021	12.00pm – 2.30pm 7.00pm – 10.00pm
BI003	London (LHR)	Sabtu, 25 September 2021	Jumaat, 24 September 2021	12.00pm – 2.30pm 7.00pm – 10.00pm

Merujuk kepada siaran akhbar yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Penerbangan Awam pada **4 September 2021**, jabatan ini juga ingin menekankan bahawa semua penumpang-penumpang yang akan berlepas dalam penerbangan ini, sama ada dalam kumpulan atau individu, hanya perlu menggunakan prosedur **drop-off sahaja**. Penuntut-penuntut yang mengikuti penerbangan ini adalah juga disarankan untuk mengikuti apa jua nasihat yang dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan mengenai tatacara 'drop-off' dan berlepas. Sebarang pertanyaan mengenai tatacara 'drop-off' dan berlepas bagi penuntut-penuntut bolehlah berhubung melalui e-mel kepada: scholarship@moe.gov.bn atau melalui telefon ditalian **2380019**.

Penumpang yang berlepas juga diminta **memuat turun aplikasi BruHealth** dan **mengimbas Kod QR** yang telah disediakan sebelum memasuki Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Penumpang yang tidak dapat memuat turun aplikasi BruHealth adalah dikehendaki untuk mengisi maklumat peribadi

mereka dalam buku rekod yang disediakan dan menunjukkan dokumen perjalanan serta Sijil Ujian PCR COVID-19 negatif (jika diperlukan).

Jabatan Penerbangan Awam ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama orang ramai dalam sama-sama mematuhi langkah-langkah pencegahan penularan Wabak COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Disediakan oleh:
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Negara Brunei Darussalam
E-mel: info.dca@dca.gov.bn
Tarikh: 1 Safar 1443 / 9 September 2021